

10 SEP 1999

Mahathir-Dialog

MASYARAKAT PERIBUMI DIMINTA ADAKAN KERJASAMA MAJUKAN TANAH

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu masyarakat peribumi mencari jalan bekerjasama dengan sesiapa yang mempunyai kemampuan, kewangan dan pengetahuan bagi memajukan tanah milik mereka.

"Kita perlu terima hakikat bahawa kita perlu kerjasama dengan orang lain yang ada modal dan kepakaran tetapi hak kita, kita harus pelihara," katanya ketika menjawab soalan seorang peserta Kongres Ekonomi Bumiputera Keempat di sini hari ini.

Peserta yang mewakili masyarakat Dayak dari Sarawak itu memohon kerajaan memberi pinjaman mudah kepada mereka yang mempunyai tanah peribumi kerana kerajaan mempunyai polisi bahawa tanah itu tidak boleh dicagarkan kepada bank.

Dr Mahathir berkata jika golongan itu bekerjasama dengan orang lain yang ada kemampuan, mereka akan mendapat lebih hasil daripada tanah itu.

"Walaupun kita nak kekalkan pegangan tanah itu, tetapi tidak guna kita pegang (tanah) kalau tak mendatangkan hasil," katanya.

Kongres dua hari itu bertujuan antara lain memperkukuhkan semangat dan kerjasama antara sektor awam dan swasta bagi memantapkan matlamat agenda pembangunan Bumiputera.

Pada sesi dialog selama sejam itu, Dr Mahathir menjawab banyak soalan berkaitan keusahawanan Bumiputera dan syor-syor daripada peserta bagi memantapkan lagi perniagaan mereka.

Dr Mahathir turut ditanya oleh seorang usahawan muda yang menggelarkan dirinya "usahawan alaf baru" mengenai kesukaran mendapatkan pinjaman bagi menjalankan perniagaan teknologi maklumat.

"Dalam memasuki era 'ekonomi-pengetahuan', semua idea saya dalam otak, dan tak ada sumber kewangan dan bank pula nak cagaran," katanya.

Dr Mahathir pula menjawab bahawa orang seperti itu perlu mencari jalan meyakinkan peminjam untuk memberi pinjaman kepada mereka.

"Ini satu kemahiran baru. Saya yakin banyak peniaga muda dalam bidang ini. Memang mereka cekap dan saya ada lihat hasil kepakaran mereka dan menyedari inilah, kita dah ada modal teroka," katanya.

"Kerajaan akan adakan usaha memberi bantuan sedikit daripada segi kemudahan dan kita akan cari pemodal teroka yang sanggup melabur," katanya.

-- BERNAMA

NZ AA NMO